

USIM sebar dakwah di kampung Orang Asli

SEREMBAN 30 Julai - Seramai 94 penuntut Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) giat mendekati masyarakat Orang Asli bagi menyebarkan dakwah Islam di Perkampungan Orang Asli Sungai Jempul, Maran, Pahang menerusi Program Khidmat Dakwah USIM (Bakti) 2013 baru-baru ini.

Program enam hari itu dijalankan berteraskan empat modul pengisian seperti Dakwah dan Kepimpinan, Pendidikan Fardu Ain/ Pembangunan Pendidikan, Kesihatan dan Keusahawanan.

Menurut Pengarah program, Syed Mahdi Syed Nasir, meskipun sering mengadakan program khidmat bakti bersama masyarakat Orang Asli, setiap program itu mempunyai misi tersendiri dan berbeza.

“Kami berharap program khidmat masyarakat ini dapat memberi input berguna kepada semua penuntut USIM yang menyertainya sekali gus dapat menilai semula tanggungjawab sebenar seorang mahasiswa dalam mencurahkan bakti kepada masyarakat yang memerlukan,” katanya di sini baru-baru ini.

Sementara itu, Dekan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Prof. Dr. Zulkiple Abdul Ghani yang juga penasihat program menjelaskan, antara objektif utama program berkenaan ialah untuk membolehkan peserta memahami konsep institusi sosial dan kemasyarakatan Orang Asli.

“Sebagai contoh dalam konteks kepelbagaian agama serta penguasaan perjalanan dakwah kepada golongan Orang Asli sama ada yang beragama Islam dan bukan Islam.

“Apa yang lebih penting sekali ialah untuk menyebarkan ajaran Islam kepada masyarakat Orang Asli melalui pendekatan dakwah yang berkesan dan kontemporari,” katanya.

Program tersebut dianjurkan oleh FKP dengan kerjasama Sekretariat Pendakwah Muda Malaysia USIM (SPMM), Persatuan Mahasiswa Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (PMFKP) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Majlis Agama Islam Pahang (MUIP).

Turut terlibat adalah Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP), Pejabat Agama Islam Daerah Maran (PAID Maran).